

### **3) PEMULIHAN PERUMAHAN PPR**

**Adun :** Y.B. Tuan Preakas A/L Sampunathan (N50 Kota Kemuning)

**Kategori :** Lisan

**Sesi :** 3 (2024)

Sub soalan :

- a) Bagaimanakah proses pemulihan sedang dijalankan untuk perumahan PPR yang banyak tidak dihuni, termasuk isu pemindahan tidak rasmi serta masalah penyewaan haram?**

Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah melantik Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) sebagai agen pengurusan di Program Perumahan Rakyat (PPR) Kg Baru Hicom, Shah Alam. Unit-unit kosong sedia ada dan dikenalpasti terdapat berlaku kerosakan yang memerlukan pembaikan yang besar atau ‘major’ disebabkan terdapat segelintir penyewa yang keluar daripada sewaan unit tanpa memaklumkan kepada pengurusan PHSSB dengan meninggalkan unit tersebut dalam keadaan rosak dan dipenuhi barang-barang terbuang serta berkeadaan kotor.

Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan pembaikan bagi 20 unit dan kerja-kerja baik pulih sedang dilaksanakan pada masa ini sebelum kemasukan penyewa dibuat. Terdapat baki sebanyak 13 unit yang belum dibaikpulih dan kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat menggunakan peruntukan tahun 2025.

Berkenaan pemindahan tidak rasmi dan masalah penyewaan haram, PHSSB telah menjalankan operasi bancian unit ke unit pada bulan Januari 2024, Februari 2024 dan terbaru pada 25 September 2024 bagi beberapa unit yang masih belum dibenci kerana ketiadaan di rumah semasa bancian awalan dijalankan.

Daripada operasi bancian tersebut, PHSSB telah mengenalpasti unit-unit yang dihuni oleh bukan penama atau sewa atas sewa (*'sublet'*) termasuk juga berdasarkan aduan daripada penduduk PPR sendiri. Sehubungan itu, tindakan penamatan penyewaan/pemutihan telah diambil ke atas penyewa terlibat.

Sebagai makluman Yang Berhormat, tindakan pemutihan adalah operasi rutin dan senantiasa dijalankan secara berterusan oleh pihak PHSSB bagi membendung kegiatan aktiviti *'sublet'* di PPR. Kerjasama daripada penduduk PPR sendiri adalah penting dalam melaporkan perkara tersebut kepada pihak LPHS dan

PHSSB bagi menangani isu ‘sublet’ dan tindakan tegas akan diambil terhadap penyewa terlibat.

**b) Apakah status pemutihan terakhir secara terperinci?**

Berhubung status pemutihan terakhir yang telah dijalankan oleh PHSSB bagi tahun 2024, sebanyak 29 notis telah dikeluarkan bagi kesalahan ‘sublet’ di PPR Kg. Baru Hicom, Shah Alam seperti perincian berikut:

| BIL           | STATUS   | JUMLAH    |
|---------------|--|-----------|
| 1.            | Telah keluar/mengosongkan unit                                     | 17        |
| 2.            | Tawaran ke Skim Smart Sewa   | 1         |
| 3.            | Pengakuan penama tinggal bersama dan pemantauan berterusan dibuat. | 5         |
| 4.            | Pemotongan bekalan air /dalam proses pindah keluar                 | 2         |
| 5.            | Tempoh pengosongan terakhir pada 15 / 11 /2024                     | 4         |
| <b>JUMLAH</b> |  | <b>29</b> |

*Nota : Berdasarkan jadual di atas, seramai 25 penyewa daripada 29 penyewa secara ‘sublet’ telah diselesaikan dan keluar dari unit PPR namun terdapat baki 4 penyewa ‘sublet’ (item no. 5) dalam tempoh rundingan semula bagi permohonan perlanjutan tempoh masa seperti isteri dalam tempoh sarat untuk bersalin, mencari kediaman lain dan sebagainya.*

**c) Adakah mempunyai rancangan untuk menambah rumah PPR bagi golongan miskin masyarakat B40?**

Kerajaan Negeri sedang berkerjasama dengan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi rancangan membangunkan Program Perumahan Rakyat (PPR) di Negeri Selangor bagi membantu golongan B40 terutamanya mereka yang di bawah kemiskinan. Buat masa ini, terdapat dua (2) projek yang sedang dirancang iaitu :

- (i) PPR Kg Dato' Ahmad Razali, Sepang melibatkan pembinaan sebanyak 200 unit di atas tanah milikan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor yang telah diluluskan oleh KPKT pada tahun 2023.
- (ii) PPR Harmoni Madani atau kini dikenali sebagai Program Residensi Rakyat (PRR) Harmoni Madani di Bestari Jaya, Kuala Selangor

melibatkan pembinaan sebanyak 245 unit di atas tanah milikan asal oleh Berjayacity Sdn Bhd melalui serahan tanah kepada Kerajaan Negeri sebagai tanah kerajaan. Pemberimilikan tanah akan dibuat kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dengan PRIMA dilantik sebagai agensi pelaksana projek. Projek ini telah diluluskan oleh KPKT sebagai projek PPR baharu bagi tahun 2024.